

## **Berhenti berpolitik, tumpu kepada tugas, gesa Hishamuddin kepada Pakatan Malaysian Insider**

**Jun 12, 2013**

**Oleh Mohd Farhan Darwis**

SUBANG, 12 Jun — Naib Presiden Umno Datuk Seri Hishamuddin Hussein (gambar) hari ini menyeru pembangkang agar berhenti daripada berpolitik kerana Pilihan Raya 2013 telah selesai, sebaliknya mereka perlu menumpukan kepada tugas-tugas sebagai wakil rakyat.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan turut menjelaskan, tindakan pembangkang memboikot taklimat Dewan Rakyat di Parlimen semalam juga satu tindakan yang tidak bertanggungjawab.

“Sungguh tak bertanggungjawab. Bukan sahaja tak menghormati speaker dan proses sedia ada, kalau sekiranya mereka menghormati proses berparlimen dan cara nak mewakili rakyat, apa yang mereka lakukan umpama tidak ucap terima kasih kepada rakyat yang pilih mereka,” katanya kepada pemberita dalam sesi lawatan ke Pangkalan Tentera Udara Subang di sini.

Hishamuddin turut menjelaskan penumpuan kepada tugas sebagai wakil rakyat adalah lebih utama berbanding tindakan memboikot proses Parlimen.

“Cukup-cukuplah kita berpolitik ... ada negeri yang jatuh kepada pembangkang pun dah angkat sumpah, mereka nak buat kerja, tak puas hati pun dah buat petisyen,” katanya merujuk kepada Kelantan, Selangor, dan Pulau Pinang yang kekal menjadi milik PR selepas Pilihan Raya 2013.

Semalam, Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Pandikar Amin Mulia telah memberi amaran kepada ahli Parlimen PR mereka akan digugurkan sebagai wakil rakyat sekiranya memboikot proses mengangkat sumpah pada 24 Jun ini.

“Kalau ahli Yang Berhormat tidak angkat sumpah, ikut Perlembagaan, selama enam bulan maka secara automatik gugur sebagai ahli Parlimen,” katanya.

Jelas Pandikar Amin lagi, atas semangat demokrasi juga, speaker dan timbalan speaker berhak memboikot upacara mengangkat sumpah wakil rakyat PR.

“Tidak boleh angkat sumpah hari lain ... kecuali tidak datang atas sebab kesihatan yang tak boleh dielakkan,” katanya.

“Apabila kita angkat sumpah baru kita jalankan fungsi sebagai wakil rakyat,” katanya.

Sesi taklimat pertama ahli-ahli Parlimen semalam menyaksikan kehadiran 111 anggota Parlimen yang dipilih pada Pilihan Raya 2013, dengan hanya seorang wakil pembangkang, ahli Parlimen Bakri, Er Teck Hwa yang hadir, daripada 89 keseluruhan ahli Parlimen PR.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/berhenti-berpolitik-tumpu-kepada-tugas-gesa-hishamuddin-kepada-pakatan/>

